

**KESAN PENDEKATAN PENGHAYATAN
TERHADAP PEMBELAJARAN PUISI**

Oleh

MAT ASUAR BIN AWANG

**Tesis yang diserahkan untuk memenuhi
keperluan bagi Ijazah Doktor Falsafah**

Jun 2008

PENGHARGAAN

Segala puji bagi Allah S.w.t. Tuhan semesta alam. Selawat dan salam kepada junjungan besar Rasulullah S.a.w, seluruh keluarga serta para sahabat. Syukur alhamdulillah dengan limpah izinNya setelah menempuh pelbagai cabaran dan dugaan, saya dapat menyiapkan penulisan tesis ini dengan jayanya. Kejayaan ini adalah berkat doa dan pertolongan daripada semua pihak. Untuk itu, saya dengan penuh keinsafan dan setulus hati, ingin merakamkan ucapan ribuan terima kasih kepada penyelia utama saya yang juga merupakan **Tok Guru** saya, Prof. Madya Dr. Hj. Ishak Hj. Ramly dan Dr Abdul Ghani Kanesan Abdullah yang tidak jemu-jemu mengasuh, mendidik dan membimbing saya tanpa mengira tempat, waktu dan situasi dari awal hingga akhir penulisan tesis ini. Budi dan jasa baik Tuan amatlah dihargai dan Allah jua yang mampu membalasnya.

Ucapan setinggi-tinggi penghargaan juga saya tujukan kepada Kementerian Pelajaran Malaysia kerana telah memberi peluang dan ruang kepada saya melanjutkan pelajaran dengan biasiswa dan bergaji penuh. Begitu juga kepada Bahagian Perancangan dan Pembangunan Pendidikan Kementerian Pelajaran Malaysia, Jabatan Pelajaran Negeri Kelantan, Pejabat Pelajaran Daerah Kota Bharu, Pejabat Pelajaran Daerah Pasir Mas-Tumpat, pengetua sekolah kajian rintis dan pengetua-pengetua sekolah kajian kerana telah membenarkan saya menjalankan kajian ini. Begitu juga kepada pihak Universiti Sains Malaysia, terutama kepada Prof. Madya Dr. Abdul Rashid Mohamed Dekan Pusat Pengajian Ilmu Pendidikan, Profesor Aminah Ayob bekas Dekan Pusat Pengajian Ilmu pendidikan dan Profesor Shukeri Muhamed bekas Timbalan Dekan Siswazah PPIP Universiti Sains Malaysia kerana telah menerima saya sebagai calon ijazah Doktor Falsafah di Pusat Pengajian Ilmu Pendidikan.

Sekalung ucapan terima kasih juga saya tujukan kepada ahli panel pemurnian usul penyelidikan iaitu Prof. Madya Dr. Mohd Daud Hamzah, Prof. Madya Dr. Subdrah Madhawa Nair, Dr. Rohizani Yaacob dan Dr. Suki Osman kerana telah memberi tunjuk ajar dan garis panduan bagi menjalankan kajian dan penulisan tesis. Ucapan terima kasih juga saya hулurkan kepada Profesor Amir Hussin Baharuddin dari Pusat Pengajian Sains Kemasyarakatan, Universiti Sains Malaysia dan Profesor Saedah Siraj dari Universiti Malaya, juga kepada pensyarah-pensyarah Pusat Pengajian Ilmu Pendidikan, Universiti Sains Malaysia terutama kepada, Prof. Madya Dr. Hashim Othman, Dr. Zakaria Kasim, Dr. Ahmad Tajuddin Othman, En. Mohamad Zohir Ahmmad@Shaari, Tuan Haji Abd. Rahman Aziz, Dr. Fadzilah Amzah, Dr Aswati Hamzah dan juga kepada kakitangan PPIP dan IPS USM iaitu En. Mohd Fauzi, En. Zulkarnain, En. Sabri, Puan Neeza, Puan Norjan, Puan Noraini Bakar, Puan Rosnani Bakar, Pn. Hasnida serta kepada rakan-rakan pelajar di PPIP USM kerana telah memberi sokongan dan tunjuk ajar kepada saya dalam usaha menyiapkan penulisan tesis ini.

Tidak lupa juga kepada guru-guru dan murid-murid dari sekolah kajian rintis dan sekolah-sekolah kajian kerana telah berkesanggupan memberi

kerjasama kepada saya. Kesudian kalian meluangkan masa dan menerima pengajaran berdasarkan kehendak kajian yang dijalankan adalah cukup bermakna bagi saya. Walau bagaimanapun saya hanya mampu mengucapkan ribuan terima kasih. Di samping itu sekalung penghargaan dihulurkan kepada Puan Hjh Nik Hasnah Nik Li, pengetua SMK. Bunut Susu kerana telah memberi kelonggaran kepada saya terutama dengan tugas-tugas sekolah semata-mata bagi menyiapkan penulisan tesis. Kepada En. Mohammad Johari Yaacob, En. Kasim Yusuf, Pn Hjh. Asiah Malik dan keluarga, saya mengucapkan ribuan terima kasih yang tidak terhingga kerana sudi memberi kerjasama dan membenarkan saya menggunakan pelbagai kemudahan yang dimiliki bagi menyiapkan kajian ini.

Kepada bonda tersayang Pn. Hjh Mariah Othman, anakanda pohon banyak kemaafan kerana agak terlalai sedikit sehingga kurang memberi tumpuan kepada bonda. Berkat doa yang tidak putus-putus daripada bonda akhirnya berjaya juga anakanda menyiapkan tesis ini. Ketabahan dan kecekalan bonda telah mendorong anakanda lebih gigih dan tekun dalam bidang yang diceburi. Begitu juga dengan sahabat-sahabatku Ariffin, Fadzillah dan Aswati. Kepada isteri tersayang, Syaripah Najihah Syed Alwe, terima kasih kerana memahami situasi yang ku alami. Pengorbananmu akan tetap terpahat di hatiku. Anak-anakku Wan Nurul Ashikin, Wan Nurul Ain, Muhammad Badrul Amin dan Muhammad Syahmin Aiman. Maafkan abah kerana kurang memberi tumpuan kepada kalian. Sesungguhnya kejayaanku dalam pengajian ini menjadi hadiah yang teristimewa buat kalian. Ucapan terima kasih, juga ditujukan kepada setiap ahli keluarga dan semua yang terlibat dalam usaha saya menyiapkan kajian ini sama ada dalam bentuk idea, tenaga atau material. Daripada Allah saya datang, maka kepadaNya juga saya berserah. Sekian, wassalam.

MAT ASUAR BIN AWANG
Pusat Pengajian Ilmu Pendidikan
Universiti Sains Malaysia

JADUAL KANDUNGAN

	Halaman	
PENGHARGAAN	ii	
JADUAL KANDUNGAN	iv	
LAMPIRAN-LAMPIRAN	ix	
SENARAI RAJAH	x	
SENARAI JADUAL	xi	
MAKSUD SINGKATAN	xv	
ABSTRAK	xvi	
ABSTRACT	xviii	
 BAB SATU: PENGENALAN		
1.1	Pendahuluan	1
1.2	Pernyataan Masalah	7
1.3	Tujuan Kajian	22
1.4	Objektif	23
1.5	Persoalan Kajian	25
1.6	Hipotesis	27
1.7	Kepentingan Kajian	32
1.8	Batasan Kajian	34
1.9	Definisi Istilah	37
	1.9.1 Pendekatan Penghayatan	37
	1.9.2 Penghayatan	41
	1.9.3 Pendekatan Eklektik	42
	1.9.4 Bahasa Melayu	43
	1.9.5 Puisi Tradisional	44
	1.9.5.1 Pantun	45
	1.9.5.2 Syair	46
	1.9.5.3 Sajak	47
	1.9.6 Aliran Pengkhususan	48
	1.9.7 Pencapaian	49
	1.9.8 Sikap	49
	1.9.9 Lokasi Sekolah	50
1.10	Kesimpulan	51
 BAB DUA: TINJAUAN BACAAN DAN KAJIAN BERKAITAN		
2.1	Pendahuluan	52
2.2	Konsep dan Kajian Bahasa	52

2.3	Perkembangan Bahasa Melayu	56
2.4	Pendidikan Bahasa Melayu dan Komsas	62
	2.4.1 Kesepaduan Bahasa dan Sastera dalam Pendidikan Bahasa Melayu	69
2.5	Kemahiran Membaca dan Berfikir Melalui Bahan Sastera	76
2.6	Penggunaan Puisi dalam Pengajaran Bahasa	80
2.7	Bacaan Kefahaman dan Bacaan Penghayatan	87
2.8	Teori-teori Kajian	91
	2.8.1 Teori Sastera	91
	2.8.2 Teori Bahasa	97
	2.8.3 Teori Pembelajaran	112
	2.8.4 Hubungan Antara Bacaan dengan Penguasaan-Afektif	120
2.9	Kajian Sikap dan Hubungan dengan Bahasa	126
	2.9.1 Hubungan Sikap dengan Pembelajaran Sastera	131
2.10	Pendekatan Pengajaran Bahasa	134
2.11	Model Kajian	136
2.12	Reka Bentuk Pendekatan Penghayatan	138
	2.12.1 Aras Bacaan Biasa dan Makna Selapis	141
	2.12.2 Aras Mendeklamasi, Merasai, Menghargai, Imajinasi dan Makna Tersurat	142
	2.12.3 Aras Mengaitkan Keadaan Semasa dan Memori dalam Keindahan dan Pengalaman Baru	143
	2.12.4 Aras Menilai Daya Cipta Rasa dalam Kesebatian Seni dan Kehidupan	143
	2.12.5 Aras Penikmatan, Penghayatan Kesejagatan dan Naluri Kemuliaan dalam Kesyumulan Kehidupan.	144
2.13	Rasional Pendekatan Penghayatan dalam Pembelajaran Puisi	144
2.14	Reka Bentuk Pengajaran Penghayatan	154
2.15	Kajian Tentang Kefahaman Bacaan	156
2.16	Kajian-kajian Berkaitan dengan Pendekatan Mengajar	160
2.17	Kerangka Teori Kajian	183
2.18	Kesimpulan	187

BAB TIGA: KAEDAH KAJIAN

3.1	Pengenalan	189
3.2	Reka Bentuk Kajian Kuasi Eksperimen	190
3.3	Variabel Kajian	192
	3.3.1 Variabel Bebas	192
	3.3.2 Variabel Bersandar	193
3.4	Kawasan dan Populasi Kajian	194
3.5	Penentuan Sekolah Kajian	196
3.6	Sampel Kajian	197
3.7	Kesahan Rancangan Pengajaran Pendekatan Penghayatan	199
3.8	Senario dan Soalan Ujian Pencapaian	200
3.9	Alat Ukur Kajian	200
	3.9.1 Pra Ujian	201

3.9.2	Pasca Ujian	202
3.9.3	Soal Selidik Sikap	202
3.9.4	Skor Ujian Pencapaian	203
3.10	Prosedur Penentuan Kebolehpercayaan Alat Ukur	204
3.11	Pentadbiran Ujian Pencapaian	205
3.12	Pelaksanaan Penyelidikan	209
3.13	Prosedur Pengajaran dan Pengendalian	209
3.14	Tajuk-tajuk Isi Kandungan Pelajaran	215
3.15	Pemantauan Pengajaran	217
3.16	Prosedur Pengumpulan Data	216
3.17	Prosedur Penganalisisan Data	219
3.18	Kesimpulan	220

BAB EMPAT: DAPATAN KAJIAAN

4.1	Pendahuluan	221
4.2	Statistik Deskripsi Sampel Kajian	222
4.3	Statistik Deskripsi Pencapaian Pra Ujian dan Pasca Ujian Puisi Komsas Kumpulan Eksperimen dan Kumpulan Kawalan	224
4.4	Pengujian Hipotesis Kajian	227
4.4.1	Tidak Terdapat Perbezaan Kesan yang Signifikan PP Berbanding dengan PE Terhadap Pencapaian Keseluruhan dalam Puisi Komsas	227
4.4.1a	Tidak Terdapat Perbezaan Kesan yang Signifikan PP Berbanding dengan PE Terhadap Pencapaian dalam Pantun Komsas	230
4.4.1b	Tidak Terdapat Perbezaan Kesan yang Signifikan PP Berbanding dengan PE Terhadap Pencapaian dalam Syair Komsas	233
4.4.1c	Tidak Terdapat Perbezaan Kesan yang Signifikan PP Berbanding dengan PE Terhadap Pencapaian dalam Sajak Komsas	236
4.4.2	Tidak Terdapat Perbezaan Kesan yang Signifikan Lokasi Sekolah Bandar Berbanding Sekolah Luar Bandar Terhadap Pencapaian Keseluruhan dalam Puisi Komsas	239
4.4.2a	Tidak Terdapat Perbezaan Kesan yang Signifikan Lokasi Sekolah Bandar Berbanding Sekolah Luar Bandar Terhadap Pencapaian Keseluruhan dalam Pantun Komsas	242

4.4.2b	Tidak Terdapat Perbezaan Kesan yang Signifikan Lokasi Sekolah Bandar Berbanding Sekolah Luar Bandar Terhadap Pencapaian Keseluruhan dalam Syair Komsas	246
4.4.2c	Tidak Terdapat Perbezaan Kesan yang Signifikan Lokasi Sekolah Bandar Berbanding Sekolah Luar Bandar Terhadap Pencapaian keseluruhan dalam Sajak Komsas.	250
4.4.3	Tidak Terdapat Kesan yang Signifikan Murid Aliran Sains Berbanding Murid Aliran Kemanusiaan Terhadap Pencapaian Keseluruhan dalam Puisi Komsas	253
4.4.3a	Tidak Terdapat Kesan yang Signifikan Murid Aliran Sains Berbanding Murid Aliran Kemanusiaan Terhadap Pencapaian Keseluruhan dalam Pantun Komsas	257
4.4.3b	Tidak Terdapat Kesan yang Signifikan Murid Aliran Sains Berbanding Murid Aliran Kemanusiaan Terhadap Pencapaian Keseluruhan dalam Syair Komsas	261
4.4.3c	Tidak Terdapat Kesan yang Signifikan Murid Aliran Sains Berbanding Murid Aliran Kemanusiaan Terhadap Pencapaian Keseluruhan dalam Sajak Komsas	265
4.4.4	Tidak Terdapat Perbezaan Kesan yang Signifikan Sikap Murid Terhadap Pencapaian dalam Puisi Komsas	269
4.4.4a	Tidak Terdapat Perbezaan Kesan yang Signifikan Sikap Murid Terhadap Pencapaian dalam Pantun Komsas	271
4.4.4b	Tidak Terdapat Perbezaan Kesan yang Signifikan Sikap Murid Terhadap Pencapaian dalam Syair Komsas	273
4.4.4c	Tidak Terdapat Perbezaan Kesan yang Signifikan Sikap Murid Terhadap Pencapaian dalam Sajak Komsas	275
4.5	Keputusan Hipotesis Kajian	277
4.6	Kesimpulan	280

BAB LIMA: PERBINCANGAN DAN RUMUSAN

5.1	Pendahuluan	282
5.2	Rumusan Kajian	283
5.3	Perbincangan	288
5.3.1	Kesan Penggunaan Pendekatan dalam Pembelajaran Puisi Komsas	288
5.3.2	Kesan Lokasi Sekolah Terhadap Pencapaian dalam Puisi Komsas	291
5.3.3	Kesan Aliran Pengkhususan Terhadap Pencapaian dalam Puisi Komsas	293
5.3.4	Kesan Sikap Terhadap Pencapaian dalam Puisi Komsas	295
5.4	Implikasi Kajian	297
5.4.1	Implikasi Kajian terhadap Praktis	298
5.4.2	Implikasi Kajian terhadap Pendekatan Pengajaran	301
5.4.3	Implikasi Kajian kepada Kementerian Pelajaran Malaysia	303
5.5	Kajian Masa Hadapan	304
5.6	Kesimpulan	309
	BIBLIOGRAFI	312

LAMPIRAN

No . Lampiran	Tajuk	Halaman
LAMPIRAN 1	Rancangan Pengajaran Pendekatan Penghayatan	342
LAMPIRAN 2	Rancangan Pengajaran Pendekatan Eklektik	368
LAMPIRAN 3	Isi Kandungan Pelajaran	394
LAMPIRAN 4	Pengesahan Isi Kandungan Pengajaran Puisi Komsas	401
LAMPIRAN 5	Panduan Proses Pengajaran Pendekatan Penghayatan	404
LAMPIRAN 6	Langkah Pengajaran Pendekatan Penghayatan	405
LAMPIRAN 7	Ujian Pencapaian	406
LAMPIRAN 8	Pengesahan Pakar Soalan Soal Selidik	419
LAMPIRAN 9	Borang Soal Selidik	422
LAMPIRAN 10	Peraturan Pemarkahan	427
LAMPIRAN 11	Borang Pemantauan	433
LAMPIRAN 12	Kriteria Pemerhatian Pengajaran	435
LAMPIRAN 13	Jadual Spesifikasi Item	436
LAMPIRAN 14	Surat-surat Kebenaran dan Sokongan	437

SENARAI RAJAH

Nombor Rajah	Tajuk	Halaman
Rajah 1	Pendekatan Eklektik	42
Rajah 2.1	Perasaan Penyair Melalui Karya Sastera dan Tindak Balas Pembaca	95
Rajah 2.2	Fungsi Bahasa Memenuhi Keperluan Hidup Manusia	110
Rajah 2.3	Model Sikap Murid	131
Rajah 2.4	Aras Bacaan Penghayatan	141
Rajah 2.5	Rasional Pendekatan Penghayatan	149
Rajah 2.6	Persamaan dan Perbezaan Pendekatan Penghayatan dengan Pendekatan Eklektik	150
Rajah 2.7	Reka Bentuk Pengajaran Dick dan Reiser (1989) Diubahsuai Bagi Pendekatan Penghayatan	154
Rajah 2.8	Kerangka Teori Kajian	183
Rajah 3.1	Perhubungan antara Variabel Kajian	188

JADUAL	Tajuk	Halaman
Jadual 3.1	Reka Bentuk Kajian Kuasi Eksperimen	191
Jadual 3.2	Asas Pemilihan Sampel Kajian Berdasarkan Lokasi dan Aliran Pengkhususan	195
Jadual 3.3	Taburan Item Mengikut Gagasan Sikap Terhadap Bahasa, Sikap Terhadap Komsas, Sikap Terhadap Puisi, Sikap Terhadap Pantun, Sikap Terhadap Syair dan Sikap Terhadap Sajak	203
Jadual 3.4	Taburan Soalan Berdasarkan Genre dan Aras Penghayatan	208
Jadual 3.5	Sampel Kajian	209
Jadual 3.6	Perancangan Pendedahan Pelaksanaan Pengajaran Kumpulan Eksperimen dan Kumpulan Kawalan	211
Jadual 3.7	Objektif dan Rancangan Pengajaran	214
Jadual 3.8	Tajuk Isi Pelajaran	216
Jadual 3.9	Rancangan Pengajaran	217
Jadual 4.1	Bilangan dan Peratusan Sampel Kajian Mengikut Lokasi Sekolah dan Aliran Tingkatan dalam Kumpulan Eksperimen dan Kumpulan Kawalan	222
Jadual 4.2	Bilangan dan Peratusan Sampel Kajian Mengikut Sikap dan Lokasi Sekolah dalam Kumpulan Eksperimen dan Kumpulan Kawalan	223
Jadual 4.3	Min Skor dan Sisihan Piawai Pra Ujian, Pasca Ujian Puisi Komsas Kumpulan Eksperimen dan Kumpulan Kawalan	224
Jadual 4.4	Perbandingan Min Skor Pra Ujian dan Pasca Ujian Kumpulan Eksperimen dan Kumpulan kawalan Dengan Menggunakan Ujian t Berpasangan	226
Jadual 4.5	Korelasi Pearson Pra Ujian dan Pasca Ujian	226
Jadual 4.6	Perbandingan min Skor peningkatan Kumpulan Eksperimen Berbanding Kumpulan Kawalan	228

Jadual 4.7	Ujian ANCOVA Untuk Min Skor Pasca Ujian Dengan Min Skor Pra Ujian Sebagai Kovariat	229
Jadual 4.8	Min Skor dan Sisihan Piawai Pra Ujian, Pasca Ujian Pantun Kumpulan Eksperimen dan Kumpulan Kawalan	230
Jadual 4.9	Perbandingan Min Skor Peningkatan Pantun Kumpulan Eksperimen Berbanding Kumpulan Kawalan	231
Jadual 4.10	Ujian ANCOVA untuk Min Skor Pantun Pasca Ujian dengan Min Skor Pra Ujian Sebagai Kovariat	232
Jadual 4.11	Min Skor dan Sisihan Piawai Pra Ujian, Pasca Ujian Syair Kumpulan Eksperimen dan Kumpulan Kawalan	233
Jadual 4.12	Perbandingan Min Skor Peningkatan Syair Kumpulan Eksperimen Berbanding Kumpulan Kawalan	234
Jadual 4.13	Ujian ANCOVA Untuk Min Skor Syair Pasca Ujian dengan Min Skor Pra Ujian Sebagai Kovariat	235
Jadual 4.14	Min Skor dan Sisihan Piawai Pra Ujian, Pasca Ujian Sajak Kumpulan Eksperimen dan Kumpulan Kawalan	236
Jadual 4.15	Perbandingan Min Skor Peningkatan Sajak Kumpulan Eksperimen Berbanding Kumpulan Kawalan	237
Jadual 4.16	Ujian ANCOVA Untuk Min Skor Sajak Pasca Ujian dengan Min Skor Pra Ujian Sebagai Kovariat	238
Jadual 4.17	Min Skor dan Sisihan Piawai Pra Ujian, Pasca Ujian Puisi Komsas Sekolah Bandar dan Sekolah Luar Bandar	239
Jadual 4.18	Perbandingan Min Skor Peningkatan Pencapaian Puisi Komsas Sekolah Bandar Berbanding Sekolah Luar Bandar	240
Jadual 4.19	Ujian ANCOVA untuk Min Skor Pasca Ujian Puisi Komsas	241

Jadual 4.20	Min Skor dan Sisihan Piawai Pra Ujian, Pasca Ujian Pantun Sekolah Bandar dan Sekolah Luar Bandar	243
Jadual 4.21	Perbandingan Min Skor Peningkatan Pencapaian Pantun Sekolah Bandar Berbanding Sekolah Luar Bandar	244
Jadual 4.22	Ujian ANCOVA untuk Min Skor Pasca Ujian Pantun	245
Jadual 4.23	Min Skor dan Sisihan Piawai Pra Ujian, Pasca Ujian Syair Sekolah Bandar dan Sekolah Luar Bandar	246
Jadual 4.24	Perbandingan Min Skor Peningkatan Pencapaian Syair Sekolah Bandar Berbanding Sekolah Luar Bandar	247
Jadual 4.25	Ujian ANCOVA untuk Min Skor Pasca Ujian Syair	248
Jadual 4.26	Min Skor dan Sisihan Piawai Pra Ujian, Pasca Ujian Sajak Sekolah Bandar dan Sekolah Luar Bandar	250
Jadual 4.27	Perbandingan Min Skor Peningkatan Pencapaian Sajak Sekolah Bandar Berbanding Sekolah Luar Bandar	251
Jadual 4.28	Ujian ANCOVA untuk Min Skor Pasca Ujian Sajak	252
Jadual 4.29	Min Skor dan Sisihan Piawai Pra Ujian, Pasca Ujian Puisi Komsas Aliran Sains dan Aliran Kemanusiaan	254
Jadual 4.30	Perbandingan Min Skor Peningkatan Pencapaian Puisi Komsas Murid Aliran Sains Berbanding Murid Aliran Kemanusiaan	255
Jadual 4.31	Ujian ANCOVA untuk Min Skor Pasca Ujian Puisi	256
Jadual 4.32	Min Skor dan Sisihan Piawai Pra Ujian, Pasca Ujian Pantun Komsas Aliran Sains dan Aliran Kemanusiaan	258

Jadual 4.33	Perbandingan Min Skor Peningkatan Murid Aliran Sains Berbanding Murid Aliran Kemanusiaan dalam Pantun	259
Jadual 4.34	Ujian ANCOVA untuk Min Skor Pasca Ujian Pantun	260
Jadual 4.35	Min Skor dan Sisihan Piawai Pra Ujian, Pasca Ujian Syair Murid Aliran Sains dan Murid Aliran Kemanusiaan	261
Jadual 4.36	Perbandingan Min Skor peningkatan Murid Aliran Sains dan Murid Aliran Kemanusiaan	262
Jadual 4.37	Ujian ANCOVA untuk Perbezaan Min Skor Pasca Ujian Syair	264
Jadual 4.38	Min Skor dan Sisihan Piawai Pra Ujian, Pasca Ujian Sajak Murid Aliran Sains dan Murid Aliran Kemanusiaan	265
Jadual 4.39	Perbandingan Min Skor Peningkatan Murid Aliran Sains Berbanding Murid Aliran Kemanusiaan	266
Jadual 4.40	Ujian ANCOVA Untuk Perbezaan Min Skor Ujian Sajak	268
Jadual 4.41	Ujian ANCOVA untuk Min Skor Pasca Ujian Puisi	270
Jadual 4.42	Ujian ANCOVA untuk Min Skor Pasca Ujian Pantun	272
Jadual 4.43	Ujian ANCOVA untuk Min Skor Pasca Ujian Syair	274
Jadual 4.44	Ujian ANCOVA untuk Perbezaan Min Skor pasca Ujian Sajak	276
Jadual 4.45	Keputusan Hipotesis	277

MAKSUD SINGKATAN

B	=	Bandar
BBM	=	Bahan Bantu Mengajar
FPK	=	Falsafah Pendidikan Kebangsaan
IT	=	Teknologi Maklumat
KBKK	=	Kemahiran Berfikir Kritis dan Kreatif
KBSM	=	Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah
KBSR	=	Kurikulum Baru Sekolah Rendah
Komsas	=	Komponen Sastera
LB	=	Luar Bandar
PE	=	Pendekatan Eklektik
PP	=	Pendekatan Penghayatan
P&P	=	Pengajaran dan Pembelajaran
PMR	=	Penilaian Menengah Rendah
RP	=	Rancangan Pengajaran
SES	=	Status Sosial Ekonomi
SPM	=	Sijil Pelajaran Malaysia
TG	=	Transformasi Generatif

KESAN PENDEKATAN PENGHAYATAN TERHADAP PEMBELAJARAN PUISI

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti kesan pendekatan penghayatan terhadap pembelajaran puisi. Dalam kajian berbentuk kuasi-eksperimen ini, pengkaji ingin mengenal pasti sama ada pengajaran yang menggunakan pendekatan penghayatan yang didedahkan kepada Kumpulan Eksperimen, dapat meningkatkan pencapaian murid secara signifikan dalam pembelajaran puisi Komsas yang meliputi genre pantun, syair dan sajak. Selain itu, pengkaji juga ingin mengenal pasti sama ada lokasi, aliran pengkhususan dan sikap turut mempengaruhi pencapaian murid secara signifikan dalam pembelajaran puisi Komsas. Kajian yang dijalankan melibatkan 136 orang murid (lelaki dan perempuan) dari empat buah sekolah. Dua sekolah di lokasi luar bandar dan dua sekolah di lokasi bandar. Subjek diagihkan kepada dua kumpulan iaitu Kumpulan Eksperimen dan Kumpulan Kawalan. Setiap kumpulan terdapat dua aliran pengkhususan murid iaitu aliran sains dan aliran kemanusiaan. Kajian dijalankan selama dua belas minggu. Pada minggu pertama kedua-dua kumpulan diberikan pra ujian untuk menguji kefahaman mereka tentang puisi Komsas. Selepas pra ujian Kumpulan Eksperimen menerima rawatan berdasarkan pendekatan penghayatan yang dibina oleh pengkaji. Kumpulan Kawalan pula menerima rawatan secara biasa oleh guru yang menggunakan pendekatan eklektik. Pada minggu ke dua belas, kedua-dua kumpulan diberikan pasca ujian. Bagi tujuan analisis data, pengkaji menggunakan program Statistic Package For Social Science (SPSS) versi 12.0. Ujian ANCOVA digunakan untuk mengenal pasti kesan pemboleh ubah bebas

terhadap setiap pemboleh ubah bersandar. Pemboleh ubah bebas ialah pendekatan, aliran dan lokasi. Manakala pemboleh ubah bersandar pula ialah markat beza pencapaian keseluruhan puisi, markat beza dalam pantun, markat beza dalam syair, markat beza dalam sajak. Pengkaji juga ingin mengenal pasti sama ada sikap murid turut mempengaruhi pencapaian terhadap puisi. Dapatan kajian menunjukkan pendekatan penghayatan dapat meningkatkan pencapaian murid dalam pembelajaran puisi Komsas secara signifikan. Dapatan kajian juga menunjukkan faktor lokasi turut mempengaruhi pencapaian murid secara signifikan dalam pembelajaran puisi Komsas secara keseluruhan. Manakala aliran pengkhususan, walaupun melalui ujian ANCOVA menunjukkan tidak terdapat kesan terhadap pencapaian dalam puisi Komsas, namun jika diperhalusi berdasarkan min skor peningkatan, dapatan menunjukkan min skor peningkatan murid aliran sains lebih tinggi berbanding dengan min skor peningkatan murid aliran kemanusiaan. Hakikat ini menunjukkan bahawa aliran pengkhususan juga mempengaruhi pencapaian murid dalam puisi Komsas. Selain itu dapatan kajian juga menunjukkan sikap tidak memberi kesan yang positif terhadap pencapaian murid dalam pembelajaran puisi Komsas sama ada bagi genre pantun, syair atau sajak. Implikasi kajian ini menunjukkan pendekatan penghayatan yang dibina oleh pengkaji berjaya meningkatkan pencapaian murid dan dapat digunakan oleh guru-guru dalam pengajaran puisi Komsas.

THE EFFECTS OF APPRECIATIVE APPROACH ON STUDENTS POETRY LEARNING

ABSTRACT

The aim of the research is to find out the effect of appreciative approach on poetry learning. Quasi-Experimental research has been used to find out whether implementing Appreciative Approach to the Experimental Group can increase the achievement significantly in learning Komsas poetry such as pantun, syair and poem. Besides that, the researcher is keen to find out whether the location, area of specialization and attitude will also influence the achievement of the students in learning the above mentioned. Research involved 136 school students (male and female) from four schools. The schools which had been chosen comprised two schools from the urban area and two schools from the rural area. Respondents were divided into Experimental and Control group. The students in every group consist of science students and social science students. Research had been carried out for twelve weeks. For the first week, these two groups had been given pre-test to test the comprehension of Komsas poetry. After pre- test, the experimental group had been exposed to the appreciative approach which had been developed by the researcher. The Control Group was taught by the teachers by implementing Eclectic Methodology. The post-test had been given to these two groups after twelve weeks. The researcher had used SPSS version 12.0 for data analysis. ANCOVA had been used to identify the effect of independent variables to every dependent variables. The elements of independent variables are: teaching approach, area of specialization and location. Meanwhile, dependent variables consist of grade differences of overall achievement in poetry , grade differences in pantun, grade

differences in syair and grade differences in poem. In addition, researcher also interested to find out whether the attitude of the students towards poetry will influence the students' achievement in learning the poetry. Research finding shows that appreciative approach enhance the achievement of students in learning poetry in Komsas. Research finding also shows that element of location influence the students achievement significantly in learning Komsas poetry overall. Although area of specialization brings no effect on poetry achievement in Komsas poetry according ANCOVA analysis, if we observe carefully, mean score shows an increase for science students if compared to social science students. This shows that area of specialization can influence the achievement in Komsas poetry. Other than that, research finding also shows that attitude does not bring any positive effect towards the achievement in learning Komsas poetry in pantun, syair and poem. The implication of this research shows that appreciative approach that has been developed by the researcher successfully increase the achievement and can be applied by the teachers in teaching Komsas poetry.

BAB SATU

PENGENALAN

1.1 Pendahuluan

Bahasa merupakan akal budi sesuatu bangsa. Kemajuan bahasa menjadi lambang dan cermin kemajuan bangsa dan negara. Melalui bahasa dapat dikenal pasti alur pemikiran, budaya dan sastera sesuatu bangsa. Bahasa mempunyai pertalian yang begitu rapat dengan pola pemikiran sesebuah masyarakat kerana bahasa berperanan sebagai penggemblengan jati diri budaya yang diwartakan melalui sastera. Realiti ini telah ditemui dan dihadapi oleh bahasa Melayu sebelum dimartabatkan sebagai bahasa kebangsaan dan komunikasi. Asmah Haji Omar (1984 dan 1989) menyatakan bahasa Melayu telah menghadapi pelbagai perubahan untuk diterima sebagai bahasa Kebangsaan di negara ini.

Perkara 152 dalam Perlembagaan Malaysia dan Akta Bahasa Kebangsaan 1963 dan 1971 meletakkan bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi dan bahasa pengantar dalam sistem pendidikan kebangsaan. Kedudukan bahasa Melayu sebagai bahasa utama dalam sistem pendidikan kebangsaan terbukti apabila pada 16 Mei, 1956 melalui Penyata Razak (1956) yang diluluskan oleh Majlis Undang-Undang Persekutuan Tanah Melayu (*Federal Legislative Council*) yang menyatakan semua aliran persekolahan rendah dan menengah menggunakan bahasa Melayu sebagai mata pelajaran dalam kurikulum kebangsaan.

Matlamat Pendidikan bahasa Melayu adalah supaya murid dapat menguasai kemahiran bahasa dan berbahasa. Kemahiran bahasa yang diperoleh melalui bacaan dapat meningkatkan kebolehan berfikir murid-murid untuk menjurus kepada pembentukan akal budi yang beradab dan berfikiran terbuka. Kelemahan murid menguasai bahasa dan berbahasa akan menjejaskan kemajuan dan peningkatan pengalaman berinteraksi dengan orang lain. Rogayah Ismail (1996) menyatakan murid yang lemah bahasa dan berbahasa akan mengalami kekangan untuk memperoleh segala jenis ilmu. Melalui pendidikan bahasa Melayu diyakini dapat meningkatkan dan mengembangkan daya intelek dan nilai akhlak mulia murid melalui interaksi pengalaman guru, murid dan teks yang disepadukan dalam bilik darjah.

Ishak Ramly (1996, 1997, 2003) menegaskan bahawa matlamat pendidikan di Malaysia adalah untuk memperkembangkan daya intelektual dan kerohanian sejagat secara serentak sehingga ke peringkat yang maksimum dengan memberi penekanan kepada aspek penghayatan dan penikmatan bacaan. Bacaan penghayatan akan membentuk masyarakat Malaysia yang bertimbang rasa dan mempunyai akal budi juga berkeupayaan membaca secara kreatif dan kritis bagi menyelesaikan pelbagai masalah kehidupan baik secara individu mahu pun secara kolektif. Haris dan Sipay (1980), Smith dan Johnson (1980) dan Juriah Long et al. (1994) menyifatkan proses membaca sebagai satu proses mendapat interpretasi yang bermakna

tentang lambang-lambang bercetak atau bertulis bagi mewujudkan komunikasi yang akan melibatkan pertukaran idea-idea di antara penulis dan pembaca. Melalui interpretasi simbol grafik, seseorang pembaca itu perlu mengenal pasti simbol dan hubungannya dengan makna tertentu serta identifikasi dan pemahaman. Pemupukan minat membaca dalam kalangan murid harus diusahakan sejak kanak-kanak berada di peringkat prasekolah lagi. Usaha ini bertujuan untuk melahirkan generasi baru yang kuat membaca. Justeru murid yang mahir membaca dapat menguasai berbagai-bagai bahan bacaan dan berkeupayaan mentafsir isi kandungan bahan bacaan secara tersurat dan tersirat dengan jelas dan tepat.

Menurut laporan Jabatan Perangkaan Malaysia (2005) didapati penduduk Malaysia hanya membaca 1.5 muka surat setahun. Kecenderungan membaca dalam kalangan penduduk Malaysia amat rendah jika dibandingkan dengan negara maju yang lain. Justeru bagi mencapai taraf negara maju menjelang 2020, usaha berterusan untuk meningkatkan kecenderungan dalam kalangan penduduk Malaysia perlu dilipatgandakan. Guru bahasa Melayu harus melaksanakan aktiviti membaca di bilik darjah kerana membaca menjadi prasyarat kepada individu untuk menerokai pelbagai ilmu baru dan terkini pada zaman teknologi maklumat. Hakikat ini telah ditegaskan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia dengan menyatakan Bahasa Melayu Merentas Kurikulum (BMMK) menekankan tentang penyerapan berbagai-bagai ilmu pengetahuan yang boleh diterapkan melalui aktiviti

pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu (Kementerian Pendidikan Malaysia, KBSR Jilid 1, Asas KBSR 1, 1992).

Matlamat membaca adalah untuk membolehkan murid memahami sesuatu bahan yang dibaca. Di sekolah, latihan membaca harus dipupuk dan ditanam sejak kanak-kanak lagi agar ia menjadi kebiasaan. Melalui aktiviti membaca, murid akan menjadi pembaca yang aktif bagi menguasai teks yang dibacanya. Gough (1972) menyatakan kefahaman bacaan meliputi perkembangan secara berperingkat yang bermula dengan mengenal huruf, diikuti dengan pengenalan bunyi huruf dan perkataan, mengenali ciri ayat dan akhir sekali pembaca akan menguasai makna yang hendak disampaikan oleh penulis. Murid-murid seharusnya mempunyai kemahiran membaca. Hal ini kerana orang yang kemahiran dan kuat membaca kaya dengan pelbagai ilmu.

Artley (1966), Niles (1969), Russell (1972), Dechant (1974) dan Marohaini Yusoff (1989) pula menyatakan proses membaca merupakan satu proses yang memerlukan pemikiran yang aktif melalui peringkat-peringkat pemikiran literal, interpretasi, penilaian dan asimilasi adalah sebahagian daripada komponen-komponen yang berlaku dalam diri pembaca. Dalam proses membaca seseorang itu perlu berfikir, merasai dan membayangkan sesuatu yang dibaca serta mesti faham dengan bahan yang dibacanya.

Strang (1978) menegaskan bahawa murid yang mahir membaca cepat memperoleh pengetahuan dan ini akan menjadikannya cemerlang dalam bidang akademik. Pembelajaran banyak bergantung kepada kebolehan seseorang membaca dan mampu memberikan interpretasi yang tepat terhadap setiap apa yang dibacanya. Kenyataan Strang (1978) ini disokong oleh Adams (1980) yang menyatakan membaca ialah satu daripada cara asas untuk mendapatkan maklumat. Dalam bidang akademik individu yang tidak boleh membaca akan mendapat banyak kerugian dan ketinggalan dalam bidang pendidikan dan vokasional. Penekanan untuk mengasuh murid supaya menguasai pemahaman bacaan di peringkat tinggi telah dinyatakan di dalam Kurikulum Baru Sekolah Rendah (KBSR) dan tradisi ini diteruskan sehingga ke peringkat Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM). Kemahiran membaca yang diperuntukkan dalam Sukatan Pelajaran Bahasa Melayu menjadi wahana kepada murid menguasai pelbagai bidang ilmu, disiplin dan diyakini melalui kemahiran membaca yang dikuasai murid ini dapat menyelesaikan masalah pembelajaran dan masalah hidup mereka dengan baik dan sempurna.

Melalui pembacaan dapat menajam dan meningkatkan kemahiran berfikir untuk menyelesaikan berbagai-bagai masalah dalam kehidupan seharian murid (Kementerian Pendidikan Malaysia, KBSR Jilid 2, Asas KBSR 11, 1992). Masalah-masalah yang dihadapi ini bukan sahaja melibatkan kognitif tetapi melibatkan afektif yang

memerlukan murid menyelesaikannya di peringkat pemikiran tinggi yang melibatkan akal, hati dan perasaan. Sehubungan itu, Ainon Mohd dan Abdullah Hassan (2003) menyatakan pemupukkan nilai dan kesantunan diri murid boleh diterapkan melalui pembelajaran puisi kerana puisi dapat digunakan bagi melahirkan makna yang tersurat dan tersirat. Hal ini kerana puisi dicipta berdasarkan ketekalan akal boleh diterjemahkan dalam pelbagai maksud berdasarkan konteks dan respon pembaca. Puisi juga boleh digunakan sebagai aspirasi bagi melahirkan daya kreativiti untuk menguji kecekapan individu menghubungkan keindahan alam dengan pengalaman akal. Hakikat ini boleh dijelmakan melalui pertandingan puisi atau pantun spontan yang digunakan semasa majlis pertunangan atau dalam majlis-majlis adat Melayu.

Pelbagai pendekatan telah diamalkan dalam pendidikan bahasa Melayu terutamanya dalam pembelajaran puisi. Walau bagaimanapun pendekatan penghayatan kurang dilaksanakan oleh guru secara langsung dalam pembelajaran puisi. Kebanyakan guru lebih gemar menggunakan pendekatan eklektik dalam pembelajaran dan pembelajaran. Pengajaran guru lebih memberikan penumpuan kepada isi pelajaran dan kurang menghubungkan isi pelajaran dengan kehidupan harian murid. Hal ini penting bagi melahirkan murid yang cekap berbahasa dan berhemah dalam kehidupan kerana perkembangan afektif murid dapat diterapkan melalui pembelajaran puisi.

Pendekatan Penghayatan diperlukan bagi meningkatkan kemajuan murid ke arah pengembangan daya intelek dan kerohanian bagi menyuburkan nilai-nilai mulia yang diserapkan melalui penggabungjalinan unsur-unsur ilmu dan nilai-nilai murni. Dalam konteks ini Ismail Jusuh (1993) dan Ishak Ramly (1996) menegaskan nilai-nilai murni asasi dan unggul boleh diserap ke dalam diri murid melalui pendekatan penghayatan yang memberi tumpuan kepada kefahaman, kesedaran dan keyakinan murid ke arah pembentukan insan mulia. Melalui penggunaan pancaindera yang baik dan berkesan dapat meningkatkan kefahaman dan penghayatan murid terhadap puisi (Isi pelajaran) yang dipelajari untuk dijadikan pengalaman. Murid juga didekatkan dengan kemahiran merasai dan membaca dengan gaya dan intonasi yang tepat bagi melahirkan makna yang tersurat dan tersirat. Lantaran itu murid dapat menguasai dan berinteraksi dengan puisi (bahan bacaan) secara lahiriah dan batiniah (Kementerian Pendidikan Malaysia, 1990). Di sinilah peranan Pendekatan Penghayatan (PP) yang diyakini dapat berfungsi untuk menggerakkan minda, hati dan jiwa murid ke arah manusia yang lengkap dan sempurna. Melalui PP murid-murid dapat dibentuk tingkah laku dalaman dan luaran kerana dibiasakan menilai antara kebaikan dan keburukan sesuatu tindakan yang dilakukan.

1.2 Penyataan Masalah

Guru bahasa Melayu bebas menggunakan sebarang pendekatan dan kaedah dalam pengajaran bahasa Melayu.

Penggunaan pendekatan harus selari dengan bahan pengajaran dan keupayaan murid. Kementerian Pelajaran memberi kelonggaran kepada guru-guru menggunakan pelbagai pendekatan dan kaedah atau mencipta pendekatan baru jika difikirkan perlu, tetapi guru-guru bahasa Melayu kerap menggunakan pendekatan eklektik dalam pengajaran dan pembelajaran walaupun telah terbukti pendekatan eklektik harus diganti dengan pendekatan yang baru. Hal ini kerana guru-guru masih kurang yakin menggunakan penemuan-penemuan baru (pendekatan pengajaran dan pembelajaran) walaupun telah terbukti keberkesanannya melalui penyelidikan. Siti Hawa Ahmad (1986) dan Azizah Abd. Rahman (1987) menyatakan pendekatan eklektik yang kerap digunakan dan diamalkan oleh guru ketika mengajar bahasa Melayu tidak dapat membantu pencapaian sepenuhnya hasrat dan matlamat Kurikulum Baru Sekolah Rendah (KBSR) dan Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM). Pendekatan eklektik kurang berkesan kerana orientasi pengajaran guru kurang memberi perhatian kepada aspek perkembangan individu dan lebih berpusatkan guru. Guru pula bersifat serba tahu dengan memberi sebanyak mungkin maklumat kepada murid untuk dihafal. Murid kurang didedahkan dengan kemahiran berfikir secara kreatif dan kritis. Sebaliknya murid diajar bagaimana mengingat fakta melalui hafalan bagi tujuan menghadapi peperiksaan.

Pada tahun 1999, Pusat Perkembangan Kurikulum Kementerian Pendidikan Malaysia telah menyemak Sukatan Pelajaran Bahasa

Melayu 1987 dengan memperkenalkan Edisi Penyesuaian Sukatan Pelajaran Bahasa Melayu 2002 sekolah menengah dengan memasukkan komponen kesusasteraan Melayu sebagai komponen wajib dalam pendidikan bahasa Melayu. Pindaan kandungan Sukatan Pelajaran Bahasa Melayu ini diluluskan di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Kurikulum Pusat Bil.2/99 pada 11 Jun dan Mesyuarat Jawatankuasa Perancangan Pendidikan Kali Ke 143 pada 20 Julai 1999.

Kandungan kemahiran bahasa yang harus dikuasai oleh murid masih sama iaitu kemahiran mendengar dan bertutur, kemahiran membaca dan kemahiran menulis. Komponen sastera dimuatkan dalam Sukatan Pelajaran Bahasa Melayu sekolah menengah dengan tujuan memupuk minat membaca dan melahirkan kenikmatan membaca serta penghayatan terhadap bahan sastera yang sesuai seperti cerpen, novel dan puisi yang kaya dengan unsur-unsur alam, kemasyarakatan, kebudayaan dan kemanusiaan (Sukatan Pelajaran KBSM Bahasa Melayu, 2000).

Dalam usaha mencapai matlamat untuk melahirkan murid yang mahu dan mahir membaca adalah penting supaya murid dapat menguasai kepelbagaian ilmu. Kajian Wan Mohd Rani Wan Abdullah (1996) tentang keupayaan menjawab soalan-soalan Peperiksaan Sijil Rendah Pelajaran (SRP) mendapati daripada analisis item soalan SRP 1992 dalam enam mata pelajaran KBSM (Bahasa Melayu,

Bahasa Inggeris, Matematik, Sains, Sejarah dan Geografi) bahawa murid masih lemah dalam kemahiran berfikir pada peringkat tinggi. Dapatan kajian Wan Rani Wan Abdullah (1996) ini menunjukkan peratus calon yang dapat menguasai kemahiran berfikir pada peringkat rendah (mengenal, mengelas dan menyusun) adalah tinggi tetapi peratus calon yang dapat menguasai kemahiran berfikir peringkat sederhana (kemahiran membandingkan menghubungkan) dan kemahiran berfikir pada peringkat tinggi (kemahiran menilai dan merumus) adalah rendah. Dapatan kajian ini menjelaskan bahawa walaupun murid memperoleh markah yang agak baik tetapi tahap kemahiran berfikir murid masih rendah.

Dalam pengajaran kefahaman melalui Komsas, murid dilatih untuk menilai dan mengulas secara kritis bahan-bahan sastera yang dibaca. Penerangan ini secara tidak langsung menjelaskan murid dilatih berfikir secara kritis. Antara objektif pengajaran dan pembelajaran pendidikan bahasa Melayu sekolah menengah adalah untuk membolehkan murid bertutur dengan fasih dan lancar serta memberikan pendapat dan hujah-hujah yang kritis dan analitis dalam pelbagai situasi, membaca pelbagai jenis bahan dengan cekap dan kritis serta dapat membuat tafsiran, penilaian dan rumusan yang wajar dan membaca, memahami dan menghayati pelbagai bahan sastera dan ilmiah (Huraian Sukatan Pelajaran Bahasa Melayu Tingkatan IV dan V).

Kenyataan yang termaktub dalam Sukatan Pelajaran Bahasa Melayu Tingkatan Empat ini menunjukkan bahawa aspek kefahaman bacaan sangat penting dalam pengajaran bahasa Melayu. Untuk meningkatkan kemahiran kefahaman bacaan dalam kalangan murid. Guru digalakkan menggunakan bahan-bahan sastera dalam pengajaran bahasa. Komponen sastera dalam mata pelajaran Bahasa Melayu mula dilaksanakan di tingkatan empat pada tahun 2000. Sehubungan itu Kementerian Pelajaran Malaysia menetapkan sebuah Antologi Anak Laut yang mengandungi lima genre sastera, iaitu puisi tradisional 6 buah, puisi moden (sajak) sebanyak 6 buah, prosa tradisional 4 buah, cerpen 6 buah, dan drama 3 buah untuk digunakan ketika murid berada di tingkatan empat.

Walaupun pembelajaran Komsas ini mendatangkan banyak kebaikan kepada murid, namun berdasarkan pengalaman penyelidik ketika mengajar Komsas dalam mata pelajaran bahasa Melayu, didapati murid berasa bosan dan kurang memberi tumpuan semasa guru mengajar puisi Komsas terutama semasa mengajar pantun, syair dan sajak. Situasi kebosanan murid mengikuti pengajaran-pembelajaran Komsas adalah sebagai menyokong Laporan Pelaksanaan Komponen Sastera dalam Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Melayu tahun 2001 oleh Pusat Perkembangan Kurikulum. Murid-murid menunjukkan sikap bosan terhadap Komsas (Pusat Perkembangan Kurikulum, 2001). Akhirnya murid kurang menguasai

aspek penghayatan yang terdapat dalam pembelajaran puisi (Kementerian Pendidikan Malaysia, 1994).

Fenomena murid kurang berminat mengikuti pengajaran Komsas (PPK:2001) adalah berpunca daripada pendekatan pengajaran guru yang kurang menarik. Guru juga didapati kurang yakin dengan kaedah pengajaran yang hendak digunakan ketika berlangsungnya pengajaran Komsas (Rose Aza Che Ariffin : 2003). Pengajaran guru lebih stereotaip sehingga menyebabkan pembelajaran menjadi kaku, kering, hambar dan kurang memberangsangkan. Ekoran daripada itu, timbullah kegelisahan dalam kalangan murid terhadap penggunaan Komsas dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu. Antara punca penyebabnya ialah ketidaktentuan dan ketidakfahaman guru untuk menggunakan pendekatan dan kaedah pengajaran Komsas. Masalah ini ada benarnya kerana sehingga kini masih tidak ada pendekatan, kaedah atau teknik yang boleh dijadikan pegangan untuk digunakan oleh guru dalam pengajaran Komsas. Guru juga didapati kurang minat apabila dihadapkan dengan tugas pengajaran puisi Komsas.

Guru bahasa Melayu juga didapati sukar untuk mengajar puisi tradisional seperti pantun dan syair kerana pengajaran pantun dan syair melibatkan banyak interpretasi dan guru bahasa Melayu kurang berkemahiran untuk mengajar pantun dan syair di dalam kelas (Sithamparam, 1991). Guru kurang melakukan persediaan rapi bagi

memenuhi strategi pengajaran dan pembelajaran bahasa kerana guru menghadapi kesukaran dan ketidakupayaan dalam mengendalikan keseluruhan pengajaran bahasa dengan menggunakan pantun, syair dan sajak sebagai bahan pengajaran (Roshani Abdullah, 1992).

Masalah ketidakberkesanan pengajaran ini turut disokong oleh Osman Alaudin (1995) yang menyatakan guru sukar merancang dan melaksanakan pengajaran dengan berkesan kerana kurang jelas tentang bahan pengajaran komponen sastera dalam pengajaran bahasa. Azizah Hamzah (1993), menegaskan bahawa pengajaran guru sering berpandukan kepada apa yang disarankan dan disediakan dalam buku teks dan buku panduan yang terdapat di pasaran tanpa mengukur kemampuan dan keupayaan sebenar murid yang diajarnya. Pengajaran guru juga banyak bertumpu kepada bagaimana hendak memperoleh markah yang cemerlang dalam peperiksaan, bukan kerana keinginan dan kesedaran sendiri tentang pentingnya menguasai aspek-aspek bahasa dan gaya bahasa dalam pembentukan emosi, sikap dan perwatakan murid. Spielbeger (1966), Guida, Ludlow dan Wilson, (1985) menyatakan bahawa penggunaan sesuatu pendekatan atau kaedah yang kurang tepat akan menimbulkan reaksi emosi yang kurang selesa terhadap situasi pembelajaran dalam bilik darjah. Sehubungan itu, masalah reaksi emosi dan penguasaan kognitif murid dalam pengajaran bahasa Melayu melalui Komsas perlu diatasi segera dengan mencipta pelbagai

pendekatan dan kaedah yang boleh menarik minat murid supaya suka kepada pengajaran guru.

Mohd Amin Arshad (1988), Mohd Arshad Hussin (1989) dan Roshani Abdullah (1992) mendapati guru bahasa Melayu amnya kurang cekap dalam memilih dan melaksanakan strategi-strategi pengajaran bahasa Melayu. Pendapat ini selari dengan pandangan yang diketengahkan oleh Yahya Hussin (1978), Sithamparam (1992) dan Mohd Isha Awang (2001) yang menyatakan guru-guru bahasa Melayu masih kurang cekap melaksanakan Komsas di bilik darjah. Ketidakupayaan guru mengajar bahasa Melayu ini menjadi semakin serius apabila guru yang mengajar bahasa Melayu bukan dalam kalangan guru dari bidang bahasa tetapi dari bidang lain. Kesannya guru menghadapi banyak masalah terutama untuk memilih dan menggunakan pendekatan, kaedah, teknik dan strategi pengajaran Komsas (Pusat Perkembangan Kurikulum: 2001). Dalam pada itu, Abd. Razak dan rakan (1978), Md. Fadzil Hassan (1986) dan Salbiah Ani (2001) menegaskan terdapat banyak kes menunjukkan guru yang mengajar bahasa Melayu tidak mempunyai latar belakang dalam bidang pengajaran bahasa Melayu mahupun kesusasteraan Melayu. Guru-guru yang mengajar bahasa Melayu juga terbawa-bawa dengan kehendak Sukatan Pelajaran Bahasa Melayu 1987 yang lebih memberi penekanan kepada penguasaan kemahiran bahasa dan berbahasa sedangkan Sukatan Pelajaran Bahasa Melayu 2002 lebih memberi penekanan kepada aspek bahasa dan berbahasa dan penguasaan

bahasa melalui Komsas bagi membina murid yang kuat berfikir, berkomunikasi dan mengamalkan nilai kesantunan melalui kegiatan membaca (Huraian Sukatan Pelajaran Bahasa Melayu Tingkatan IV, 2003).

Ketidakmampuan guru melaksanakan Komsas di bilik darjah juga berpunca daripada kesilapan tafsiran guru terhadap Komsas itu sendiri. Guru bahasa Melayu beranggapan disiplin bahasa adalah berbeza dengan sastera. Kesannya, subjek bahasa Melayu dan sastera tidak mempunyai perkaitan antara satu sama lain. Guru-guru juga kurang pasti serta kurang jelas, sama ada hendak menggunakan pendekatan atau kaedah pengajaran bahasa atau pendekatan pengajaran sastera (Borhan Md Zain:2000). Pengkaji-pengkaji seperti Anderson dan Lapp (1979) Ishak Harun (1989) Haris Md.Jadi (1991), Pallente dan Lindsey (1991), berkali-kali menegaskan bahawa faktor guru dalam melaksanakan apa jua program atau kurikulum seharusnya diberi perhatian khas oleh pihak Kementerian Pelajaran. Kejayaan atau kegagalan sesuatu program kurikulum juga bergantung kepada faktor sukatan pelajaran, bahan-bahan dan aktiviti tambahan program kurikulum yang hendak dilaksanakan dan kefahaman guru terhadap isi kandungan kurikulum yang dirancang.

Menurut Rose Aza Che Arifin (2003), masih terdapat guru bahasa Melayu yang kurang faham cara hendak melaksanakan pengajaran puisi Komsas. Jika guru menghadapi masalah

melaksanakan pengajaran, guru juga akan menghadapi masalah untuk memastikan sama ada pengajaran guru mencapai objektif atau pun tidak kerana guru kurang pasti untuk mereka bentuk pengajaran dan penilaian di bilik darjah. Pada hakikatnya inilah senario yang berlaku dalam kalangan guru-guru bahasa Melayu di sekolah-sekolah menengah kebangsaan dan di sekolah menengah jenis kebangsaan terhadap pengajaran Komsas. Mengikut Mohd Kasim Ismail (1995), kekeliruan terhadap pelaksanaan dan pengajaran Komsas dalam bahasa Melayu menyebabkan pengajaran guru lebih menekankan tentang aspek-aspek struktural seperti tema, plot, watak dan latar. Guru tidak berkemampuan untuk mempelbagaikan teknik pengajaran agar lebih menarik dan mudah difahami murid kerana tidak didedahkan dengan pedagogi bahasa Melayu atau sastera Melayu. Pendekatan begini lebih berpusatkan guru, dan menganggap guru seorang yang serba tahu dan berfungsi sebagai penyampai maklumat tentang pengarang, sejarah teks serta menerangkan konvensi sastera yang membina teks tersebut (Timucin, 2003). Pendekatan berbentuk struktural juga menyebabkan pengajaran dan pembelajaran cenderung didominasi oleh aktiviti penerangan guru (Carter & Long, 1991).

Permasalahan yang berlaku dalam pengajaran puisi Komsas secara tidak langsung menjejaskan minat dan kesungguhan murid mempelajari bahasa Melayu. Kesannya pengajaran guru bahasa Melayu menjadi kurang berkesan dan murid cepat bosan dan kurang memberi kerjasama dan perhatian terhadap bahasa Melayu. Guru

bahasa Melayu didapati kurang memberi pertimbangan kepada aspek-aspek penghayatan dan penikmatan bahasa, sastera dan budaya melalui pengajaran Komsas. Hakikatnya satu pendekatan pengajaran yang berkesan, menarik melalui bacaan harus diteroka dengan tujuan menggunakan bahan puisi bagi memperkembangkan pengalaman dalam pembentukan nilai dan pekerti mulia murid.

Cooper (1977) telah mengemukakan hujah-hujah bahawa guru yang berkesan ialah guru yang dapat membawa muridnya mencapai objektif pengajaran yang direncanakan dalam rancangan pelajarannya. Hujah yang dikemukakan oleh Cooper menunjukkan guru yang berkesan adalah guru yang mementingkan pencapaian objektif pembelajaran dan dapat membangkitkan keseronokan kepada murid supaya terus belajar. Guru seharusnya dapat menguasai berbagai-bagai jenis pendekatan, kaedah dan teknik pengajaran supaya dapat disesuaikan dengan isi kandungan pelajaran dan sentiasa bersikap responsif, bertimbang rasa, bertanggungjawab, tenang dan berkeyakinan semasa melaksanakan pengajaran.

Lim (1981), Koh Boh Boon (1982), Ngui (1983) dan Zawawi Ahmad (1990) menyatakan bahawa guru-guru banyak melaksanakan aktiviti membaca dan memberi penjelasan terhadap keterangan isi kandungan bahan yang dibaca. Guru juga didapati kurang menyediakan alat bantu mengajar bagi merangsang dan mempelbagaikan pengajaran. Guru bahasa Melayu juga didapati

kurang aktif untuk meningkatkan suasana pengajaran dan selalunya bersifat sehalu. Pengajaran guru lebih bersifat memberi penerangan dan arahan selain dari menunjukkan dan melakukan sebagai contoh yang dapat diteladani oleh murid. Menurut Taha (1992) pendekatan struktural lebih memberatkan kepada domain kognitif kerana objektif pembelajaran adalah bertumpu kepada aspek kefahaman semata-mata dan mengabaikan perkembangan domain afektif. Sewajarnya dalam mengajar puisi yang indah dari aspek bahasa dan bentuknya, murid perlu didedahkan untuk menilai, menghargai dan menikmati keindahan sesebuah puisi (Ali Ahmad, 1994). Pengajaran dan pembelajaran seharusnya dikaitkan dengan pengalaman, budaya hidup, persekitaran dan pengetahuan sedia ada dalam diri murid dengan puisi yang dipelajari. Apabila murid dapat melihat perkaitan antara puisi dengan diri mereka, sudah tentu akan timbul minat mereka terhadap puisi kerana dirasakan dekat dan relevan dengan kehidupan mereka (Tucker,2000).

Abu Hamid al-Ghazali (1344H) menegaskan bahawa kejayaan seseorang guru memperbaiki kaedah mengajar bergantung kepada peranan guru sebagai sumber rujukan. Guru harus dapat menguasai isi pelajaran yang hendak diajar dan juga harus berkemampuan untuk mempelbagaikan pendekatan pengajaran yang akan digunakan ketika mengajar. Syed Ali Asraf (1994) pula menambah, penyelesaian dalam masalah pengajaran di bilik darjah dapat diatasi sekiranya guru dapat melakukan pertimbangan untuk menggunakan pendekatan atau

kaedah yang sesuai dan berkesan ketika mengajar. Penjelasan ini bermakna kejayaan sesuatu pengajaran banyak bergantung kepada faktor guru dan pendekatan mengajar.

Walau bagaimanapun mengikut Zaharuddin Zamin (1999) dan Anis Suraya Sufian (2004), kebanyakan guru bersikap degil, enggan menerima perubahan, bahkan tidak berkemampuan untuk menyampaikan pengajaran dengan berkesan kerana tahap penguasaan mereka tidak cukup baik. Guru masih menggunakan pendekatan eklektik ketika mengajar iaitu pendekatan yang lebih berpusat kepada guru. Sekiranya situasi ini dibiarkan, kegagalan guru mencungkil minat murid akan terserlah. Keupayaan guru bahasa Melayu boleh ditingkatkan sekiranya guru menggunakan pendekatan yang sesuai dengan isi pelajaran, kemahuan murid dan dapat mendorong murid supaya aktif dan memahami maksud bahan pengajaran sama ada secara luaran dan dalaman. Pencarian pendekatan dalam pengajaran bacaan penghayatan puisi harus diusahakan bagi membantu guru dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa sehingga dapat membentuk sesuatu model pengajaran berfikir dalam kalangan murid ke arah penghayatan bahasa dan sastera.

Hasrat untuk mencari dan menerokai pendekatan pengajaran puisi bagi membolehkan dalam kalangan murid berfikir ke arah penghayatan bahasa dan sastera telah lama disuarakan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia supaya guru dapat mempelbagaikan

pendekatan, kaedah dan teknik diaplikasikan di dalam pengajaran dan pembelajaran di bilik darjah, malah guru juga digalakkan supaya mencipta pendekatan dan kaedah baru jika difikirkan sesuai (Zahirah Abd. Aziz, 2003). Penjelasan ini menunjukkan bahawa Kementerian Pelajaran Malaysia memberi kelonggaran kepada guru-guru supaya mencuba dan mencipta pelbagai pendekatan, kaedah dan teknik dalam pengajaran bahasa. Peluang yang diberi oleh Kementerian Pelajaran ini harus digunakan oleh guru bahasa Melayu bagi mendapatkan pendekatan atau kaedah yang sesuai dalam pengajaran bahasa Melayu. Pendekatan baru yang ditemui oleh penyelidik tempatan lebih meyakinkan kerana penyelidik memberi pertimbangan kepada proses pengajaran dan pembelajaran dalam pengajaran bahasa Melayu dengan mengambil kira latar belakang murid yang datang dari pelbagai bangsa iaitu Melayu, Cina dan India yang belajar secara bersama dalam sesebuah kelas atau sekolah.

Menurut Hamzah Mohamed (2001), dewasa ini orang ramai semakin kerap mempersoalkan kualiti pendidikan. Mereka seolah-olah tidak lagi menaruh harapan atau keyakinan kepada kewibawaan pihak sekolah dalam hal ehwal mendidik, terutama apabila mendapati kelakuan murid lepasan sekolah tidak seperti yang diharapkan oleh masyarakat dan negara. Kecemerlangan murid tidak memperlihatkan kematangan berfikir, kepetahan berkomunikasi, ketokohan sebagai pemimpin, kemurnian tingkah laku, kebolehan mencipta dan menyumbangkan kepada kemajuan bangsa. Hakikat ini menunjukkan

bahawa wujudnya ketidakcekapan guru dalam menjalankan tanggungjawabnya mendidik dan memimpin anak bangsa. Hal ini adalah kerana kualiti pendidikan di sekolah mempunyai hubungan dengan kecekapan guru dalam melaksanakan tugasnya. Dalam perkataan lain, kelemahan sekolah dikaitkan dengan kepimpinan guru yang tidak cekap. Hasil kajian Pusat Perkembangan Kurikulum (2002) mendapati guru-guru telah menggunakan pelbagai kaedah dalam pengajaran seperti kaedah penerangan, soal jawab, bercerita, main peranan dan pelbagai aktiviti dalam P & P, namun hanya sebahagian sahaja daripada kalangan guru yang berasa seronok semasa proses pengajaran di bilik darjah. Hal ini menyebabkan pengajaran dan pembelajaran berada pada tahap sederhana dan belum mencapai objektif P & P bahasa Melayu sepenuhnya.

Justeru, penyelidik menerokai satu pendekatan baru yang dikenali dengan Pendekatan Penghayatan (PP). Melalui PP murid akan dilibatkan dengan pelbagai aktiviti kognitif dan afektif yang diajar secara serentak sebagai satu kesinambungan. PP membolehkan murid berfikir dan merasai tentang kehidupan, mengenal baik dan buruk, mengenal benar dan salah, mengenai cara kehidupan sendiri serta bangsanya. Melalui PP diyakini dapat menghidupkan usaha untuk memanusiaikan murid ke arah pembentukan insan syumul, memperkayakan wawasan diri tentang kehidupan, penghayatan dalam kecintaan kepada hidup dan kehidupan dalam lingkungan nilai kemanusiaan universal, merangsang kreativiti dan semangat untuk

menyempurnakan diri, menubuhkan kepercayaan diri dan memupuk rasa jati diri kerana berdasarkan PP pengajaran dan pembelajaran dirancang secara sistematik serta menitikberatkan aspek penghayatan. Murid-murid juga dapat merasai dan menghayati kesan daripada sesuatu tindakan kerana mereka dibiasakan dengan menilai antara kebaikan dan keburukan.

Abdul Rahim Saad (1992) mendapati pembelajaran yang efektif membolehkan murid menguasai pelbagai kemahiran dan pengetahuan yang digemari oleh murid. Pendapat Abdul Rahim Saad (1992) ini adalah sebagai menyokong kenyataan Wanger (1986) yang menegaskan bahawa pengajaran yang efektif adalah pengajaran yang dirancang secara sistematik yang boleh meninggalkan kesan dan meningkatkan pencapaian murid. Walau apapun istilah yang digunakan untuk memberi penjelasan tentang guru yang cekap atau guru yang berkualiti, semuanya mempunyai satu matlamat iaitu meningkatkan prestasi murid yang dididiknya.

1.3 Tujuan Kajian

Pendekatan pengajaran merupakan satu faktor yang dapat menentukan kejayaan sesuatu pengajaran. Pendekatan pengajaran juga mempengaruhi kefahaman dan penghayatan murid terhadap isi kandungan pelajaran. Kajian ini mempunyai beberapa tujuan. Tujuan pertama ialah untuk melihat kesan pendekatan penghayatan (PP)

terhadap pencapaian murid dalam puisi Komsas secara keseluruhan dan juga mengikut genre syair, pantun dan sajak.

Tujuan kedua kajian ialah untuk melihat kesan aliran, lokasi dan sikap murid terhadap pencapaian dalam puisi Komsas. Kajian juga bertujuan untuk mengenal pasti kesan interaksi pendekatan pengajaran dengan aliran pengkhususan, kesan interaksi pendekatan pengajaran dengan lokasi sekolah dan kesan interaksi pendekatan pengajaran dengan sikap terhadap pencapaian murid dalam puisi Komsas. Kajian berbentuk kuasi-eksperimen ini dilaksanakan ke atas sekumpulan murid tingkatan empat yang mengikuti pembelajaran puisi Komsas. Kumpulan Eksperimen diwakili murid aliran sains manakala murid aliran kemanusiaan mewakili Kumpulan Kawalan.

1.4 Objektif Kajian

Kajian ini mempunyai beberapa objektif.

- i. Membandingkan kesan pendekatan penghayatan (Kumpulan Eksperimen) dengan pendekatan eklektik (Kumpulan Kawalan) terhadap pencapaian murid dalam puisi Komsas.
- ii. Membandingkan kesan pendekatan penghayatan (Kumpulan Eksperimen) dengan pendekatan eklektik (Kumpulan Kawalan) terhadap pencapaian murid dalam genre pantun, syair dan sajak Komsas.

- iii. Membandingkan kesan lokasi sekolah bandar dan sekolah luar bandar terhadap pencapaian murid dalam puisi Komsas secara keseluruhan.
- iv. Membandingkan kesan lokasi sekolah bandar dan sekolah luar bandar terhadap pencapaian murid dalam genre pantun, syair dan sajak Komsas.
- v. Membandingkan kesan aliran pengkhususan terhadap pencapaian murid dalam puisi Komsas antara Kumpulan Eksperimen dengan Kumpulan Kawalan.
- vi. Membandingkan kesan aliran pengkhususan terhadap pencapaian murid dalam genre pantun, syair dan sajak Komsas antara Kumpulan Eksperimen dengan Kumpulan Kawalan.
- vii. Membandingkan kesan sikap terhadap pencapaian murid dalam puisi Komsas antara Kumpulan Eksperimen dengan Kumpulan Kawalan.
- viii. Membandingkan kesan sikap terhadap pencapaian murid dalam pantun, syair dan sajak Komsas antara Kumpulan Eksperimen dengan Kumpulan Kawalan.
- ix. Mengenal pasti kesan interaksi dua hala pendekatan pengajaran dengan lokasi terhadap pencapaian murid dalam puisi Komsas secara keseluruhan.
- x. Mengenal pasti kesan interaksi dua hala pendekatan pengajaran dengan lokasi terhadap pencapaian murid dalam genre pantun, syair dan sajak Komsas.